

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



D'PLANTERS' TEAM BUILDING

Oleh: Suraiya Mahdian

Bagi memupuk semangat setia kawan dan kerja dalam berpasukan, persatuan *D'Planters' Guild* telah menganjurkan program *D'Planters' Team Building*. Program ini telah diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2019 bertempat di Kem Belia Mukah. Seramai 226 orang peserta dari program Diploma Pengurusan Ladang, Diploma Pengeluaran Herba dan Diploma Akuakultur telah menjayakan program ini. Pelajar semester 5 merupakan penganjur bagi program ini dan pelajar semester 1 sebagai peserta. Program ini adalah diwajibkan ke atas semua pelajar semester 1 dari ketiga-tiga program yang bernaung di bawah Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah dijemput sebagai penceramah jemputan bagi setiap modul yang telah ditetapkan.



Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan motivasi, keyakinan diri, memupuk sifat kepimpinan, membina semangat kerjasama dan toleransi dalam kerja berkumpulan serta menerapkan nilai-nilai murni di dalam diri setiap peserta menerusi modul yang telah dijalankan. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan untuk membina semangat dan jati diri peserta. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip selaku Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

MAJLIS APRESIASI PELAJAR FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI UiTM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH

Oleh: Suraiya Mahdian

Persatuan *D'Planters' Guild* telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada 30 November 2019 di *Kingwood Resort Mukah*. Program ini dikelola oleh pelajar semester 4 dari program Diploma Pengurusan Ladang. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk menyampaikan sijil Anugerah Dekan kepada pelajar-pelajar yang telah mendapat keputusan yang cemerlang pada semester lepas, sesi II 2018/2019. Seramai 30 orang pelajar dari program Diploma Pengurusan Ladang (AT110), 1 orang dari Diploma Pengeluaran Herba (AT112) dan 5 orang dari Diploma Akuakultur (AT117) telah menerima sijil Anugerah Dekan. Selain itu, tiga anugerah khas juga turut disampaikan dalam majlis tersebut. Bagi Anugerah Pelajar Terbaik (setiap semester) telah diberikan kepada Iqbal Attirmidzi bin Tazuddin (semester 2 AT110), Syarifah Nuurazreen binti Wan Makhdar (semester 3 AT110), Howern Dean anak Hardin (semester 4 AT110), Ivy Bisterino (semester 5 AT110), Mohd Nazirul Faiz bin Salleh (semester 3 AT112), Olivia Labang (semester 3 AT117) dan Adilah binti Azli (semester 3 AT117). Anugerah Pelajar Terbaik Kepimpinan dan Anugerah Pelajar Terbaik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, telah diberikan kepada Joshua anak Andrew Naun (semester 5 AT110). Majlis telah dirasmikan oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Dr. Khadijah binti Khalid. Seramai 328 orang pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi serta 17 orang pensyarah telah hadir untuk memeriahkan majlis ini. Pelbagai aktiviti menarik turut diselitkan. Antaranya adalah persembahan nyanyian dan tarian, tayangan montaj aktiviti persatuan sepanjang semester, cabutan tiket bertuah dan pengumuman "*King and Queen of the Night*".



TOSHIBA

Penerima Anugerah Dekan



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578

